

Peminjam mesti bayar balik PTPTN cara potong gaji pada 2010

KUALA LUMPUR 22 Sept — Mulai 2010 kerajaan akan mewajibkan semua peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membayar balik pinjaman secara potongan gaji melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Datuk Dr Zulkefli A. Hassan berkata, langkah ini bagi memastikan setiap peminjam membayar balik pinjaman mereka secara teratur dan tetap.

“Orang yang meminjam selepas ini tiada pilihan lain untuk membayar semula pinjaman mereka. Ini dapat mengatasi budaya dan tabiat peminjam yang liat membayar,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan komputer riba kepada 32 penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam, menerusi Tabung Pinjaman Pendidikan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), di sini hari ini.

Bagi membolehkan langkah itu dilaksanakan, Dr Zulkefli berkata kerajaan akan meminda Akta PTPTN bagi membolehkan majikan melakukan pemotongan gaji pekerjaanya secara mandatori.

“Majikan juga harus memastikan pekerja mereka yang meminjam PTPTN perlu dipotong gaji kerana majikan akan menanggung akibatnya jika gagal berbuat demikian,” katanya.

Beliau berkata, sistem itu merupakan satu kaedah pembayaran balik pinjaman PTPTN selain pembayaran secara on-line dan kaunter.

Sehingga kini hanya 25 peratus peminjam membayar balik secara potongan gaji.

Dr Zulkefli berharap LHDN dapat mengutip lebih banyak bayaran balik itu tahun depan.

Beliau berkata, baru-baru ini LHDN ke Australia dan New Zealand bagi melihat dan mengkaji sistem yang diguna pakai untuk pembayaran balik pinjaman pendidikan di negara berkenaan dilaksanakan secara mandatori. -Bernama